



AL-AQAR HEALTHCARE REIT

(established in Malaysia under the deed dated 27 June 2006 and as amended by the supplemental deed dated 14 May 2009, 27 January 2011 and 9 November 2011 and the Restated Trust Deed dated 31 July 2013, entered into between Damansara REIT Managers Sdn Berhad, a company incorporated under the Companies Act 1965 and deemed registered under the Companies Act 2016 and AmanahRaya Trustees Berhad, a trust corporation established under the Trust Companies Act 1949 and incorporated under the Companies Act 1965 and deemed registered under the Companies Act 2016 and the persons who are for the time being registered as holders of the units in Al-Aqar Healthcare REIT)

NOTICE OF EXTRAORDINARY GENERAL MEETING

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Extraordinary General Meeting of Al-Aqar Healthcare REIT will be held at Permata Ballroom, Level B2, The Puteri Pacific Johor Bahru, Jalan Abdullah Ibrahim, 80730 Johor Bahru, Johor on Friday, 13 December, 2019, at 11.00 a.m. for the purpose of considering and if thought fit, passing, with or without modifications, the following resolution by way of poll:-

ORDINARY RESOLUTION 1

PROPOSED ACQUISITION BY AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD, ON BEHALF OF AL-AQAR HEALTHCARE REIT, OF A HOSPITAL KNOWN AS KPJ BATU PAHAT SPECIALIST HOSPITAL TOGETHER WITH A 5 ACRES OF LAND FROM JOHOR LAND BERHAD FOR A TOTAL CONSIDERATION OF RM78 MILLION ("PROPOSED ACQUISITION") AND PROPOSED NOVATION OF THE LEASE OF THE SAID PROPERTY FROM JOHOR LAND BERHAD TO AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD ("PROPOSED LEASE NOVATION") (COLLECTIVELY REFERRED TO AS THE "PROPOSALS")

"**THAT** subject to the approvals being obtained from the relevant authorities and parties, approval be and is hereby given to AmanahRaya Trustees Berhad, being the trustee of Al-Aqar Healthcare REIT ("**Trustee**"), to acquire the hospital known as KPJ Batu Pahat Specialist Hospital together with a 5 acres of land held under H.S.(D) 69760, PTD 63523, Mukim of Simpang Kanan, District of Batu Pahat, State of Johor (collectively "**Property**") upon the terms and conditions set out in the sale and purchase agreement dated 26 August 2019 ("**SPA**") entered into between the Trustee and Johor Land Berhad ("**JLand**"), a 100%-effective owned subsidiary of Johor Corporation.

THAT approval be and is hereby given subject to the completion of the SPA, the Trustee to assume all of JLand's rights, title, interest, benefits, obligation and liabilities as set out in the lease agreement entered into between the Trustee, JLand and Pasir Gudang Specialist Hospital Sdn Bhd dated 26 August 2019 ("**Lease Agreement**") and including the Trustee being the lessor of the Property based on the terms of the Lease Agreement pursuant to the Proposed Lease Novation.

AND THAT the Damansara REIT Managers Sdn Berhad and Trustee be and are hereby authorised to do all such acts and things and enter into any arrangements, guarantees, agreements and/or undertakings, as they deem necessary and expedient in order to implement, finalise and/or give full effect to and complete the Proposals with full powers to assent to any terms, conditions, modifications, variations and/or amendments as may be required by the relevant regulatory authorities or as they may deem necessary or expedient to implement, finalise and/or give full effect to and complete the Proposals."

**By Order of the Board,
DAMANSARA REIT MANAGERS SDN BERHAD
(as Manager of Al-Aqar Healthcare REIT)**

**NURALIZA BINTI A. RAHMAN (MAICSA 7067934)
ROHAYA BINTI JAAFAR (LS 0008376)**

Company Secretaries

Johor Bahru
28 November 2019

Notes:-

1. A Unitholder shall be entitled to attend and vote at this Extraordinary General Meeting, and shall be entitled to appoint another person (whether a Unitholder or not) as its proxy to attend and vote.
2. Where a Unitholder is a corporation, its duly authorised representative shall be entitled to attend and vote at the Extraordinary General Meeting, and shall be entitled to appoint another person (whether a Unitholder or not) as its proxy to attend and vote.
3. Where the Unitholder is an authorised nominee as defined under the Securities Industry (Central Depositories) Act 1991, it may appoint at least one (1) proxy in respect of each securities account it holds with units standing to the credit of the said securities account. Where a Unitholder appoints two (2) proxies, the appointment shall be invalid unless it specifies the proportions of its holdings to be represented by each proxy. Such proxy shall have the same rights as the member to vote whether on a poll or a show of hands, to speak and to be reckoned in a quorum.
4. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointor or of its attorney duly authorised in writing or if the appointor is a corporation either under its common seal or under the hand of an officer or attorney so authorised.
5. The instrument appointing a proxy must be deposited at the registered office of Damansara REIT Managers Sdn Berhad at: Level 16, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor at least twenty-four (24) hours before the time appointed for holding the Extraordinary General Meeting or any adjournment thereof.
6. Only Unitholders registered in the Record of Depositors as at 6 December 2019 shall be entitled to attend and speak at the Extraordinary General Meeting or appoint proxy(ies) to attend on his/her behalf.
7. Pursuant to Paragraph 8.29A(1) of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, all resolutions set out in this Notice will be put to vote by way of poll.



AL-AQAR HEALTHCARE REIT

(ditubuhkan di Malaysia di bawah surat ikatan bertarikh 27 Jun 2006 sebagaimana dipinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 14 Mei 2009, 27 Januari 2011 dan 9 November 2011 serta Surat Ikatan Dinyatakan Semula bertarikh 31 Juli 2013 yang ditandatangani antara Damansara REIT Managers Sdn Berhad, sebuah syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 2016 serta AmanahRaya Trustees Berhad, sebuah syarikat amahan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Amanah, 1949 dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 2016 serta individu-individu buat masa ini didaftarkan sebagai pemegang unit Al-Aqar Healthcare REIT)

NOTIS MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI bahawa Mesyuarat Agung Luar Biasa Al-Aqar Healthcare REIT akan diadakan di Permata Ballroom, Aras B2, The Puteri Pacific Johor Bahru, Jalan Abdullah Ibrahim, 80730 Johor Bahru, Johor pada hari Jumaat, 13 Disember, 2019, pada jam 11.00 pagi bagi tujuan mempertimbangkan dan sekiranya difikirkan wajar, untuk meluluskan dengan atau tanpa sebarang modifikasi, resolusi berikut melalui pengundian:-

URUSAN BIASA 1

CADANGAN PEMBELIAN SEBUAH HOSPITAL DIKENALI SEBAGAI KPJ BATU PAHAT SPECIALIST HOSPITAL BERSERTA 5 EKAR TANAH OLEH AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD BAGI PIHAK AL-AQAR HEALTHCARE REIT DARIPADA JOHOR LAND BERHAD BERJUMLAH RM78 JUTA (“CADANGAN PEMBELIAN”) BERSERTA CADANGAN BAGI NOVASI PAJAKAN HARTANAH TERSEBUT DARIPADA JOHOR LAND BERHAD KEPADA AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD (“CADANGAN NOVASI PAJAKAN”) (SECARA KOLEKTIF DIRUJUK SEBAGAI “CADANGAN”)

“**TERTAKLUK** kepada kelulusan yang diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa dan yang berkenaan, kelulusan bagi membeli sebuah hospital dikenali sebagai KPJ Batu Pahat Specialist Hospital berserta 5 ekar tanah dibawah H.S.(D) 69760, PTD 63523, Mukim Simpang Kanan, Daerah Batu Pahat, Negeri Johor (secara kolektif dirujuk sebagai “**Hartanah**”) diberi kepada AmanahRaya Trustees Berhad, sebagai pemegang amanah Al-Aqar Healthcare REIT (“**Pemegang Amanah**”) mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli bertarikh 26 Ogos 2019 (“**SPA**”) yang telah ditandatangani antara Pemegang Amanah dan Johor Land Berhad (“**JLand**”), sebuah anak syarikat milik efektif 100% Johor Corporation.

BAHAWA tertakluk kepada penyelesaian SPA, kelulusan diberi kepada Pemegang Amanah bagi mengambil hak, geran, kepentingan, tanggungjawab dan liabiliti JLand seperti yang dinyatakan dalam perjanjian pajakan yang ditandatangani di antara Pemegang Amanah, JLand dan Pasir Gudang Specialist Hospital Sdn Bhd bertarikh 26 Ogos 2019 (“**Perjanjian Pajakan**”) serta Pemegang Amanah diberi hak sebagai penyewa Hartanah berdasarkan terma-terma Perjanjian Pajakan selaras dengan Cadangan Novasi Pajakan.

DAN BAHAWA Damansara REIT Managers Sdn Berhad dan Pemegang Amanah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk berurusan dengan semua tindakan dan perkara dan memasuki sebarang pengaturan, jaminan, perjanjian dan / atau akujanji, yang dianggap perlu dan sesuai bagi melaksanakan, memuktamadkan dan / atau memberi kesan sepenuhnya bagi menguatkuasakan sepenuhnya Cadangan ini dengan kuasa untuk bersetuju apa-apa terma, syarat, pengubahsuaian, variasi dan / atau pindaan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkaitan atau perkara dalam apa-apa cara sebagaimana yang mereka anggap perlu atau sesuai untuk melaksanakan, memuktamadkan dan/atau bagi menguatkuasakan sepenuhnya Cadangan ini.”

**Menurut Perintah Lembaga Pengarah,
DAMANSARA REIT MANAGERS SDN BERHAD
(Pengurus Al-Aqar Healthcare REIT)**

**NURALIZA BINTI A. RAHMAN (MAICSA 7067934)
ROHAYA BINTI JAAFAR (LS 0008376)**

Setiasusaha-setiasusaha Syarikat

Johor Bahru
28 November 2019

Nota-nota :-

1. Pemegang unit yang layak untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat Agung Luar Biasa adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada pemegang unit atau bukan) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
2. Di mana pemegang unit adalah sebuah perbadanan, wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya adalah berhak untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat Agung Luar Biasa dan adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada pemegang unit atau tidak) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi.
3. Sekiranya pemegang unit adalah nomini yang dibenarkan sebagaimana ditakrif di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi untuk setiap akaun sekuriti yang dipegang dengan unit-unit Al-Aqar Healthcare REIT yang dikredit ke akaun sekuriti tersebut. Di mana pemegang unit melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan jika pemegang unit menetapkan pembahagian pemegangannya yang akan diwakili oleh setiap proksi. Proksi yang dilantik untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat Agung Luar Biasa akan mempunyai hak-hak yang sama dengan pemegang unit untuk mengundi sama ada melalui pengundian atau pertunjukan tangan untuk bersuara dan dikira dalam kuorum.
4. Instrumen pelantikan proksi hendaklah secara bertulis ditandatangani oleh pelantik atau peguam yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, borang proksi hendaklah disempurnakan dengan meterai perbadanan itu atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam yang diberi kuasa sewajarnya.
5. Instrumen pelantikan proksi hendaklah diserahkan di pejabat berdaftar Damansara REIT Managers Sdn Berhad di Tingkat 16, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor, tidak kurang daripada dua puluh empat (24) jam sebelum masa yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa atau sebarang penangguhannya.
6. Hanya para pemegang unit yang mana nama mereka disenaraikan di dalam Rekod Pendeposit Al-Aqar Healthcare REIT pada 6 Disember 2019 sahaja yang layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Luar Biasa atau melantik proksi bagi menghadiri dan bersuara bagi pihak mereka.
7. Selaras dengan Perenggan 8.29A (1) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, semua resolusi yang dinyatakan dalam Notis ini akan dikemukakan melalui undian.